

Perkembangan Dalam Sistem Kewangan

Tinjauan Keseluruhan

Dasar monetari pada tahun 2001 terus mengutamakan kestabilan kewangan dan harga untuk menggalakkan aktiviti ekonomi. Pada masa yang sama, dasar monetari kekal pragmatik dan fleksibel bersesuaian dengan perubahan, cabaran dan risiko yang muncul akibat globalisasi yang semakin meluas. Berikutan perkembangan luaran yang merosot, dasar monetari yang akomodatif adalah perlu untuk melengkapi rangsangan fiskal untuk menyokong pertumbuhan ekonomi.

Dari segi pertukaran mata wang, kadar tetap ringgit kekal konsisten dengan asas makroekonomi untuk terus menyediakan persekitaran yang stabil dan menentu bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Dasar monetari yang akomodatif juga berusaha mencapai keseimbangan dalam menggalakkan pelaburan menerusi kadar faedah yang rendah, sementara mengekalkan kadar pulangan benar yang positif ke atas simpanan. Meskipun aktiviti ekonomi telah menjadi perlahan, sistem perbankan kekal kukuh dengan pertumbuhan pinjaman disertai dengan pembiayaan menerusi pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) yang meningkat. Sementara penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat turut mencapai kemajuan berikutan inisiatif yang baru diumumkan untuk mempertingkatkan lagi usaha penstrukturan semula.

Perbankan Islam terus menunjukkan kemajuan yang ketara dengan langkah-langkah yang diambil ke arah mempromosikan Malaysia sebagai pusat perbankan dan insurans Islam serantau. Institusi pembiayaan pembangunan juga turut melengkapi

sistem perbankan dari segi prestasi pinjaman yang meningkat kepada sektor prioriti serta pengembangan pembiayaan di bawah beberapa tabung. Jumlah sumber kumpulan wang simpanan dan penceh terus meningkat, meskipun terdapat pengeluaran yang lebih tinggi oleh pencarum. Industri insurans yang merangkumi insurans konvensional dan takaful juga berkembang dan menyumbang kepada pertumbuhan kukuh sektor perkhidmatan.

Pasaran modal kekal aktif walaupun dana bersih yang diperolehi di pasaran modal telah berkurangan disebabkan penebusan yang lebih tinggi. Walaupun Bursa Saham Kuala Lumpur menunjukkan arah aliran yang menurun disebabkan persekitaran luaran yang merosot, ia masih jauh lebih baik berbanding pasaran saham serantau terpilih. Industri unit amanah telah berkembang dengan dana baru yang dilancarkan, sementara pasaran derivatif juga aktif dari segi dagangan dalam kontrak niaga hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur 3-bulan dan kontrak hadapan minyak sawit mentah. Sementara beberapa langkah telah diambil untuk mempertingkatkan lagi usaha yang sedang dijalankan bagi menggalakkan kecekapan, daya tahan dan daya saing pasaran modal serta memperbaiki urus tadbir korporat dan perlindungan pemegang saham.

Dasar Monetari

Dasar monetari kekal akomodatif pada tahun 2001 untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri supaya dapat menangani kesan kelembapan ekonomi dunia ke atas Malaysia.

Asas-asas ekonomi negara yang kukuh, termasuk persekitaran inflasi yang rendah dan sistem perbankan yang kukuh di samping pengurangan kadar faedah sedunia telah memberi lebih fleksibiliti bagi dasar monetari dalam negeri yang akomodatif. Bank Negara Malaysia (BNM) terus memastikan mudah tunai yang cukup dalam sistem perbankan. Tabung khas untuk sektor penting serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah digalakkan dengan menambahkan saiz dan skop tabung serta mengurangkan kadar pinjaman. Sementara itu, rejim kadar pertukaran tetap terus menyediakan persekitaran yang stabil dan menentu untuk memudahkan aktiviti ekonomi serta penstrukturan semula sektor perbankan dan korporat dan justeru membantu menyokong pertumbuhan ekonomi.


Serangan ke atas Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini telah meningkatkan risiko jangka pendek yang cenderung kepada kelembapan ekonomi global pada tahun 2001 dan pemulihan yang perlahan pada tahun 2002. Walaupun asas ekonomi adalah kukuh dengan persekitaran inflasi yang rendah dan imbalan luaran yang kukuh, Malaysia, sebagai sebuah ekonomi terbuka yang berorientasikan perdagangan tidak terlindung daripada perkembangan luaran. Justeru, BNM telah mengurangkan kadar faedah campur tangan 3-bulan sebanyak 50 mata asas kepada 5% pada 20 September yang merupakan pengurangan pertama sejak lebih daripada dua tahun. Pengurangan ini bertujuan untuk menyokong aktiviti pengguna dan perniagaan dalam negeri, dan dengan demikian menyerap kesan daripada perkembangan luaran. Dengan itu, siling BLR bank perdagangan dan syarikat kewangan berkurangan kepada paras terendah masing-masing sebanyak 6.42% dan 7.46% (daripada 6.83% dan 7.98%). Pengurangan ini akan memanfaatkan semua sektor, termasuk institusi perbankan dengan mengurangkan kos peminjaman serta beban hutang peminjam korporat dan individu, serta mengawal kemungkinan pinjaman menjadi tidak berbayar. Sebaliknya, pengurangan dalam kadar faedah deposit tetap bank perdagangan dan syarikat kewangan adalah lebih kecil, iaitu antara 10 dan 25 mata asas bagi kematangan 1-bulan sehingga 12-bulan.

Perkembangan Monetari

Prestasi agregat monetari pada lapan bulan pertama adalah sejajar dengan aktiviti sektor benar dan mencerminkan dasar untuk memastikan mudah tunai yang cukup bagi membiayai pengembangan keluaran benar, sementara mengekalkan kestabilan harga. **Wang secara kecil atau M1**, yang terdiri dari mata wang dalam edaran dan deposit permintaan, meningkat pada kadar yang lebih tinggi, iaitu 8.4% pada akhir Ogos 2001 (akhir 2000: 6.5%). Berikutan daripada pengurangan (-RM6,171 juta) pada separuh pertama tahun ini, M1 telah pulih untuk mencatatkan pengembangan yang ketara sebanyak RM3,194 juta pada bulan Julai dan Ogos, yang sebahagiannya mencerminkan prestasi pasaran saham yang lebih baik. **M2** yang terdiri dari M1 dan separuh wang secara kecil, mencatat peningkatan sebanyak 3.9% pada akhir Ogos (akhir 2000: 5.2%). Pertumbuhan yang sederhana dalam separuh wang secara kecil sebahagiannya berpunca daripada pindahan deposit ke institusi perbankan selain daripada bank perdagangan.

Agregat monetari secara luas, M3, terus meningkat pada kadar tahunan sebanyak 4.5% pada akhir Ogos (akhir 2000: 5%). M3 berkembang sebanyak RM3,209 juta pada lapan bulan pertama disokong oleh tabungan, deposit mata wang asing, perjanjian belian balik (repo) dan instrumen deposit boleh niaga (NID) yang lebih tinggi. Pengembangan M3 terutamanya mencerminkan tuntutan ke atas sektor swasta (RM11,751 juta; Januari-Ogos 2000: RM12,706 juta), hasil daripada peningkatan ketara dalam aktiviti peminjaman bank (RM13,565 juta; Januari-Ogos 2000: RM5,868 juta), yang disokong oleh persekitaran kadar faedah yang rendah dan mudah tunai yang mencukupi. Peningkatan dalam pinjaman bank telah diimbangi oleh pengurangan dalam pemegangan sekuriti (-RM1,825 juta; Januari-Ogos 2000: RM5,074 juta). Aset bersih luar negara turut menyumbang kepada pengembangan M3 dengan peningkatan sebanyak RM6,731 juta, yang terutamanya mencerminkan aliran masuk berterusan daripada dagangan dan pelaburan langsung asing.

CARTA 8.1
Arah Aliran Kewangan
Penawaran Wang¹
(Perubahan tahunan)



¹ Pada akhir bulan Mac, Jun, September and Disember termasuk Perjanjian Pembelian Semula (Repo).

² Pada akhir bulan Ogos 2001.

Sementara itu, operasi Kerajaan telah memberi kesan menguncup ke atas penawaran wang (-RM3,600 juta; Januari-Ogos 2000: RM1,755 juta) yang terutamanya disebabkan oleh penyimpanan deposit Kerajaan dengan BNM. Ini terutamanya mencerminkan penerimaan daripada pembukaan semula terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) masing-masing sebanyak RM5,000 juta pada bulan Mac dan Jun serta hasil daripada terbitan Nota 10-tahun USD1,000 juta oleh Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun. Sementara pemegangan SKM oleh institusi perbankan telah berkurangan berikutan beberapa penebusan pada lapan bulan pertama. Walau bagaimanapun, operasi Kerajaan dijangka memberi kesan mengembang ke atas penawaran wang pada bulan-bulan akan datang berikutan pelaksanaan program rangsangan fiskal Kerajaan.

Jumlah deposit, termasuk repo sistem perbankan (termasuk bank Islam) meningkat sebanyak RM2,807 juta atau 0.6% pada lapan bulan pertama (Januari-Ogos 2000: RM1,243 juta atau 0.3%), seperti di *Jadual 8.1*. Peningkatan dalam deposit mencerminkan penyimpanan yang lebih tinggi oleh individu dan badan berkanun, yang lebih daripada mengimbangi pengeluaran bersih oleh

JADUAL 8.1

Sistem Perbankan: Deposit
(termasuk Bank Islam)

	Perubahan Dalam Tempoh				Akhir Ogos 2001	
	2000 Januari-Ogos		2001 Januari-Ogos		RM juta	Sumbangan (%)
	RM juta	(%)	RM juta	(%)		
Deposit semasa	-138.0	-0.3	-2,416.0	-4.6	52,211.2	11.0
Deposit simpanan	3,381.0	7.6	1,671.1	3.7	45,158.3	9.5
Deposit tetap	-4,156.3	-1.5	-7,828.6	-2.8	276,590.1	58.4
NID ¹	-5,702.0	-25.0	2,119.3	9.5	22,296.7	4.7
Repo	-922.1	-5.3	103.5	0.6	18,343.0	3.9
Lain-lain ²	8,780.5	15.3	9,158.1	15.6	58,612.5	12.4
Jumlah	1,243.1	0.3	2,807.4	0.6	473,211.8	100.0

¹ Instrumen deposit boleh niaga.

² Termasuk Tabungan Pelaburan Baru dan deposit khas.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

perusahaan perniagaan dan sektor kerajaan. Deposit tetap terus menguasai deposit sistem perbankan dengan bahagian sebanyak 58.4%. Jumlah deposit sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan 3.5% pada akhir Ogos 2001. Bank perdagangan terus menyumbang bahagian yang terbesar, iaitu 76.6%, seperti di *Jadual 8.2*.

Aktiviti berian pinjaman kekal kukuh pada lapan bulan pertama. Sistem perbankan telah mengembangkan aktiviti pembiayaan mereka melalui pinjaman dan pembiayaan PDS dalam keadaan mudah tunai yang cukup. Jumlah pinjaman sistem perbankan dan terbitan PDS oleh sektor swasta telah meningkat dengan ketara sebanyak RM22,662 juta pada tempoh ini. Ini merupakan peningkatan pada kadar tahunan sebanyak 8% pada akhir Ogos 2001, seperti di *Jadual 8.3*.

Pada keseluruhannya, kadar faedah yang rendah merupakan faktor utama yang penting dalam merangsangkan permintaan terhadap pinjaman. Pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan adalah kukuh pada lapan bulan pertama. **Pinjaman diluluskan** tetap tinggi dalam tempoh ini, berjumlah RM85,967 juta (Januari-Ogos 2000: RM88,877 juta). Pinjaman tersebut kebanyakannya untuk pembelian harta kediaman dan kenderaan penumpang (masing-masing

JADUAL 8.2

Deposit oleh Institusi Perbankan
(termasuk Bank Islam)
(akhir Ogos)

	RM juta		Sumbangan (%)
	2000	2001	
Bank perdagangan	347,256.8	362,692.5	76.6
Syarikat kewangan	84,848.8	84,057.1	17.8
Bank saudagar	24,949.7	26,462.2	5.6
Jumlah	457,055.3	473,211.8	100.0

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 8.3

Pembiayaan melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Sekuriti Hutang Swasta
(akhir Ogos)

	2000		2001	
	RM juta	Pertumbuhan Tahunan (%)	RM juta	Pertumbuhan Tahunan (%)
Pinjaman yang belum dijelaskan	443,504.7	3.6	468,391.2	5.6
PDS yang belum dijelaskan	91,381.4	93.9	109,128.6	19.4
Jumlah	534,886.1	12.6	577,519.8	8.0

Sumber: Bank Negara Malaysia.

RM18,231 juta dan RM13,154 juta) serta aktiviti perkilangan dan pembinaan (masing-masing RM10,502 juta dan RM6,998 juta). Dalam tempoh yang sama, **pinjaman dikeluarkan** telah meningkat dengan ketara kepada RM247,144 juta (Januari-Ogos 2000: RM229,932 juta). Pinjaman yang dikeluarkan meliputi pelbagai aktiviti termasuk perkilangan, perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan serta untuk pembelian harta kediaman, kereta penumpang dan pembinaan. Pinjaman yang dikeluarkan, terutamanya kepada sektor isi rumah, khususnya untuk pinjaman perumahan dan sewa beli, mencerminkan pertumbuhan aktiviti ekonomi dalam negeri yang mapan. Sementara itu, **pembayaran pinjaman** juga lebih tinggi, berjumlah RM238,497 juta (Januari-Ogos 2000: RM225,309 juta), dan ini telah memperlahankan peningkatan pinjaman yang belum dijelaskan, terutamanya di sektor pembinaan serta perdagangan borong dan runcit.

Walaupun pembayaran pinjaman adalah lebih tinggi, namun jumlah pinjaman yang belum dijelaskan telah berkembang sebanyak RM14,372 juta (Januari-Ogos 2000: RM13,037 juta). Pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak 5.6% pada akhir bulan 2001 (akhir Ogos 2000: 3.6%), yang masih rendah daripada sasaran 8%. Bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 6.1% dan 7% pada akhir Ogos.

Pada keseluruhannya, pinjaman sistem perbankan adalah meluas pada lapan bulan pertama tahun 2001. Prestasi pinjaman yang baik didorong oleh permintaan yang tinggi untuk pinjaman pengguna, terutamanya pinjaman untuk perumahan dan sewa beli dalam persekitaran kadar faedah yang rendah. Di samping itu, sektor lain turut mencatatkan prestasi yang meningkat, terutamanya perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan, sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi serta aktiviti pembinaan, seperti di *Jadual 8.4*.

Beberapa langkah telah diperkenalkan sejak kebelakangan ini untuk memperbaiki akses kredit, terutamanya bagi PKS. Ini termasuk memperbaiki proses kelulusan pinjaman di institusi perbankan, meningkatkan fungsi Syarikat Jaminan Kredit (CGC), menggalakkan sumber pembiayaan alternatif termasuk PDS dan modal teroka, menubuhkan unit khas bagi memantau aduan

mengenai pinjaman dan mengurus pinjaman bermasalah (di institusi perbankan) serta memberi bantuan kepada usahawan Bumiputera.

Di samping itu, pada bulan Mac 2001, beberapa tabung khas, iaitu Tabung untuk Makanan, Tabung Usahawan Baru dan Tabung untuk Industri Kecil dan Sederhana 2 telah diperbaiki dengan meningkatkan saiz, memperluaskan skop serta mengurangkan kadar pinjaman. Langkah yang paling ketara ialah penambahan modal berbayar CGC sebanyak RM1,000 juta kepada RM1,600 juta pada akhir tahun 2000. CGC kini memainkan peranan yang lebih besar dalam meningkatkan akses pembiayaan kepada PKS. CGC telah memperkenalkan Skim Jaminan Akses Terus (DAGS) pada tahun 2000 demi meningkatkan keberkesanannya sebagai agensi tunggal yang memberi jaminan di negara. Di bawah DAGS, kesemua permohonan pinjaman yang memerlukan jaminan akan dikemukakan kepada

JADUAL 8.4

Sistem Perbankan: Haluan Berian Pinjaman¹
(termasuk Bank Islam)

Sektor	Perubahan Dalam Tempoh				Akhir Ogos 2001	
	2000 Januari-Ogos		2001 Januari-Ogos		RM juta	Sumbangan (%)
	RM juta	(%)	RM juta	(%)		
Pertanian	606.2	6.0	37.5	0.3	11,995.3	2.6
Perlombongan dan kuari	55.0	3.2	-96.1	-5.9	1,632.3	0.3
Perkilangan	2,609.3	3.8	1,864.6	2.7	70,226.8	15.0
Perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel	1,369.2	3.6	138.3	0.4	38,197.8	8.2
Harta benda yang luas	5,997.1	3.7	9,358.5	5.4	172,602.9	36.9
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	-1,279.4	-8.9	826.0	5.6	14,757.2	3.2
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	-1,180.4	-3.6	1,082.8	3.0	35,537.4	7.6
Kredit penggunaan	5,605.7	9.8	5,458.2	8.4	65,182.8	13.9
Pembelian sekuriti	-646.7	-2.0	-2,426.1	-7.8	31,189.6	6.7
Lain-lain	-98.8	-0.4	-1,871.4	-6.9	27,069.1	5.6
Jumlah	13,037.2	2.9	14,372.3	3.1	468,391.2	100.0

¹ Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta.

CGC terlebih dahulu, sebelum dimajukan kepada institusi perbankan setelah jaminan diperolehi. Rangkaian cawangan CGC turut diperluaskan untuk memudahkan akses kepada jaminan dan pembiayaan daripada institusi perbankan. Sebagai salah satu usaha untuk menjadikan CGC pusat setempat bagi PKS, CGC telah dilantik untuk mengurus Tabung untuk Industri Kecil dan Sederhana 2 pada tahun 2000 dan Tabung Usahawan Baru pada bulan Julai 2001. CGC telah melancarkan perkhidmatan laman web untuk membantu PKS dalam memohon pinjaman melalui Internet pada bulan Julai 2001.

Sebagai mencerminkan dasar monetari yang akomodatif, **kadar faedah** kekal rendah dan stabil bagi merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri untuk menangani kesan daripada permintaan luar negara yang lemah. Sehingga 20 September 2001, kadar campur tangan 3-bulan BNM dikekalkan pada tahap bulan Ogos 1999, iaitu pada 5.5%, yang seterusnya mengakibatkan BLR bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing berada di paras yang terendah. Keadaan mudah tunai yang cukup di samping persaingan yang hebat antara institusi perbankan telah juga menyebabkan penurunan purata kadar berian pinjaman (ALR) bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing sebanyak 31 dan 54 mata asas kepada 7.14% dan 10.60% pada akhir Ogos 2001, seperti di *Jadual 8.5*.

Kadar faedah deposit simpanan bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing berada pada 2.60% dan 3.12%, iaitu lebih rendah daripada tahap mereka pada awal tahun. Walau bagaimanapun, kadar faedah deposit tetap kekal stabil.

BNM telah mengurangkan kadar campur tangan 3-bulan sebanyak 50 mata asas kepada 5% pada 20 September 2001, sebagai satu langkah untuk merangsang aktiviti pengguna dan perniagaan dalam negeri, yang bertujuan untuk menangani risiko jangka pendek yang cenderung kepada pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang lemah di samping menghadapi kesan buruk selanjutnya daripada perkembangan luaran. Kadar faedah siling BLR bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing turun kepada 6.42% dan 7.46% (daripada 6.83% dan 7.98%). Pada masa yang sama, BNM memastikan operasi mudah tunainya dapat menyokong kadar faedah antara bank pada tahap rendah masa kini agar dapat mengurangkan kesan kadar faedah campur tangan yang lebih rendah ke atas kadar faedah deposit. Setakat 28 September, kebanyakan bank perdagangan dan syarikat kewangan telah menurunkan kadar faedah deposit disebut bagi 1-bulan hingga 12-bulan sebanyak 10-25 mata asas. Sementara BLR mereka telah masing-masing turun sebanyak 40 mata asas dan 50 mata asas.

JADUAL 8.5

Kadar Faedah Institusi Perbankan (%)

	Akhir 2000	Akhir Ogos 2001	Perbezaan
Bank Perdagangan			
Berian pinjaman asas	6.78	6.79	0.01
Purata berian pinjaman	7.45	7.14	-0.31
Deposit simpanan	2.72	2.60	-0.12
Deposit tetap 3 bulan	3.47	3.44	-0.03
Syarikat Kewangan			
Berian pinjaman asas	7.95	7.95	0.00
Purata berian pinjaman	11.14	10.60	-0.54
Deposit simpanan	3.44	3.12	-0.32
Deposit tetap 3 bulan	3.52	3.47	-0.05

Sumber: Bank Negara Malaysia.


Prestasi Sistem Perbankan

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) sistem perbankan meningkat daripada 12.4% pada akhir Disember 2000 kepada 12.6% pada akhir Ogos 2001, melebihi nisbah minimum Basle iaitu 8%, seperti di *Carta 8.2*. Peningkatan ini berikutan penyempurnaan aktiviti penajaan modal oleh beberapa institusi perbankan serta keuntungan kukuh yang dicatat pada separuh pertama tahun 2001. Keuntungan sebelum cukai yang belum diaudit sistem perbankan berjumlah RM4,000 juta pada tempoh ini. Nisbah modal utama sistem perbankan yang juga meningkat daripada 10.5% pada akhir Disember 2000 kepada 10.6% pada akhir Ogos 2001.

Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) sistem perbankan berdasarkan pengkelasan 6 bulan,

CARTA 8.2

Kadar Berian Pinjaman Asas (BLR) Bank Perdagangan, Nisbah NPL Sistem Perbankan dan Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR)



meningkat kepada 8.3% pada akhir Ogos 2001 daripada 6.3% pada akhir 2000. Peningkatan NPL adalah terutamanya disebabkan oleh pengelasan semula pinjaman yang sebelum ini diberikan pengecualian daripada pengelasan sebagai NPL oleh BNM bagi mempercepatkan proses penstrukturan yang sebahagiannya berikutan aktiviti ekonomi yang lebih perlahan. Jumlah pinjaman yang sebelum ini diberikan pengecualian daripada pengelasan sebagai NPL tetapi seterusnya dikelaskan sebagai NPL pada separuh pertama tahun 2001 adalah sebanyak RM4,322 juta atau 1% daripada jumlah pinjaman. Berdasarkan tahap modal dan keuntungan semasa, sistem perbankan dapat berdaya tahan untuk menghadapi kesan daripada kelembapan ekonomi yang berpanjangan. Ujian ketahanan yang dijalankan oleh BNM setelah mengambil kira kemungkinan kerugian pinjaman menunjukkan bahawa sistem perbankan mempunyai modal yang mencukupi bagi menyerap sebarang kerugian sekiranya pertumbuhan ekonomi menjadi lebih perlahan.

Perkembangan Dalam Sistem Perbankan

Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) telah dikeluarkan oleh BNM pada bulan Mac 2001 untuk menyediakan pelan bagi pembentukan satu sistem kewangan yang berkesan, berdaya saing, berdaya tahan dan dinamik, yang menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi serta pembangunan satu kumpulan teras institusi kewangan tempatan yang mantap dan berpandangan ke hadapan serta berorientasikan teknologi dan sedia menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi. Fasa 1, yang merangkumi tempoh tiga tahun, bertumpu kepada pembangunan kapasiti institusi tempatan. Fasa II, yang merangkumi tiga hingga empat tahun kemudian, bertujuan meningkatkan persaingan di dalam sektor kewangan dalam negeri, sementara Fasa III akan menetapkan tahap integrasi dengan pasaran antarabangsa serta kemungkinan memperkenalkan persaingan asing baru selepas tempoh tujuh tahun.

PELAN INDUK SEKTOR KEWANGAN

Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) yang dilancarkan oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Mac tahun ini, menyediakan pelan bagi pembentukan satu sistem kewangan yang berkesan, berdaya saing, berdaya tahan dan dinamik yang menyokong dan memberi sumbangan positif kepada pertumbuhan ekonomi serta membina satu kumpulan teras institusi kewangan domestik yang kukuh dan berpandangan ke hadapan serta berorientasikan teknologi dan sedia untuk menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi. Meskipun peluang telah terbuka dalam persekitaran baru ini, ancaman daripada pasaran global semakin memuncak, memandangkan peserta global dan kemajuan teknologi telah memberi kesan yang sebelum ini belum pernah berlaku ke atas pendekatan perniagaan perbankan dan kewangan. Dengan itu, adalah penting bagi sistem kewangan, terutamanya institusi kewangan tempatan kekal berdaya tahan dan cekap, sekiranya Malaysia mahu sektor kewangannya terus berkesan dan responsif dalam menghadapi ekonomi dalam negeri yang semakin global, liberal dan kompleks.

Oleh itu, saranan dalam PISK tertumpu kepada usaha untuk menambah kapasiti dan keupayaan sektor kewangan tempatan sebelum mula melaksanakan usaha memperkenalkan persekitaran yang lebih berdaya saing dan maju, seterusnya ke arah integrasi antarabangsa yang lebih tinggi. Dalam menggariskan strategi bagi pembangunan sistem kewangan, penilaian berhubung perkhidmatan kewangan serta implikasi kuasa-kuasa pengubah di dalam suasana global dan dalam negeri adalah diperlukan. Tumpuan adalah untuk membentuk satu sektor kewangan yang kukuh, berdaya tahan dan responsif dalam menghadapi cabaran masa hadapan dalam persekitaran baru ini. Pertimbangan dibuat untuk mencapai satu sistem kewangan yang pelbagai dan berdaya saing yang penting bagi pembangunan ekonomi jangka panjang serta memastikan bahawa risiko dalam ekonomi dapat diagihkan di kalangan pelbagai sub-sektor.

Sektor Kewangan sebagai Pendorong Pertumbuhan Ekonomi

Sektor kewangan akan terus menjadi penentu prestasi ekonomi yang penting. Perkembangan sektor kewangan setakat ini seiring dengan perubahan profil ekonomi dalam negeri. Pertumbuhan perdagangan antarabangsa dan aktiviti luar sempadan telah menghasilkan peningkatan dalam kemudahan pembiayaan dagangan dan perbankan antarabangsa. Sementara institusi pembiayaan pembangunan ditubuhkan bagi memenuhi permintaan sektor keutamaan yang dikenal pasti. Keperluan bagi dana jangka panjang daripada sumber dalam negeri oleh syarikat korporat besar yang berdaya saing dari segi kos telah membantu membangunkan pasaran modal tempatan.

Dengan proses peralihan ekonomi yang berlaku secara beransur-ansur dan peluang ekonomi yang masih belum terbuka luas, dalam melangkah ke hadapan, objektif jangka panjang bagi sektor kewangan dalam negeri yang digariskan dalam PISK telah mengambil kira keperluan yang dijangkakan bagi ekonomi. PISK menekankan bahawa matlamat sektor kewangan bagi sesebuah ekonomi yang sedang membangun seperti Malaysia tidak semestinya sama dengan sistem lain yang bertujuan untuk membangun sebagai sebuah pusat kewangan antarabangsa di mana deregulasi dan liberalisasi yang disegerakan adalah merupakan kunci utama proses tersebut. Dalam sesebuah ekonomi sedang membangun, sistem kewangan mempunyai peranan penting dalam memudahkan proses pertumbuhan dan justeru, tidak boleh dibangunkan tanpa mengambil kira keperluan sektor benar. Pertimbangan juga diberikan kepada kedua-dua matlamat iaitu keberkesanan dan kestabilan serta agenda sosial. Kepentingan bidang pertumbuhan baru dan kaedah pembiayaan alternatif lain juga dibincangkan dalam PISK. Institusi kewangan perlu proaktif dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan perniagaan baru dan dengan itu, menyokong struktur ekonomi yang lebih pelbagai.

Pendekatan Pelaksanaan

Program perubahan yang digariskan dalam PISK melibatkan 119 saranan yang akan dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun yang akan datang. Pelaksanaan ini akan dibuat dalam tiga fasa bergantung kepada pencapaian di setiap peringkat. Fasa pertama pelaksanaan PISK bertumpu kepada pembinaan kapasiti. Ini termasuk pelaksanaan langkah-langkah bagi meningkatkan keupayaan institusi kewangan untuk bersaing dan menjadi lebih cekap dan berkesan serta langkah-langkah untuk menggalakkan kestabilan. Infrastruktur pengawalseliaan dan institusi akan dipertingkatkan dan rangka kerja perlindungan pengguna yang lebih cekap akan dilaksanakan.

Fasa pembangunan yang kedua melibatkan deregulasi pasaran kewangan tempatan secara beransur-ansur yang bertujuan untuk menghasilkan persaingan yang lebih tinggi di kalangan institusi kewangan. Keupayaan institusi kewangan tempatan untuk bersaing dengan lebih bermakna dalam persekitaran yang lebih liberal semasa fasa kedua ini akan menentukan liberalisasi pasaran selanjutnya. Ini adalah bagi memastikan bahawa langkah liberalisasi tidak akan menggugat kestabilan sistem kewangan dan ekonomi secara keseluruhannya. Langkah-langkah liberalisasi selanjutnya, termasuk kemungkinan memperkenalkan persaingan asing yang baru akan dijalankan semasa fasa pembangunan yang ketiga sektor kewangan. Seperti yang digariskan dalam PISK, ini perlu disusun dengan teratur bagi memastikan bahawa langkah-langkah tersebut akan menghasilkan peningkatan yang diharapkan dan menawarkan peluang dan faedah baru untuk sistem kewangan dalam negeri, sementara mengekalkan keseluruhan kestabilan kewangan.

Sektor Perbankan

Sementara sektor kewangan akan menjadi semakin lebih pelbagai, sektor perbankan akan terus menjadi sumber pembiayaan penting bagi ekonomi dalam negeri. Oleh yang demikian, pembangunan sistem perbankan, terutamanya institusi perbankan tempatan adalah penting bagi memudahkan dan menyokong pertumbuhan ekonomi serta proses transformasi ekonomi.

Lanskap sektor perbankan negara dijangka akan berkembang dan berubah dengan ketara. Adalah dijangkakan bahawa sekumpulan institusi perbankan tempatan teras akan muncul daripada proses persaingan untuk menjadi peneraju dalam sektor kewangan yang boleh bersaing secara berkesan dengan bank asing. Peranan yang dimainkan oleh institusi perbankan asing akan dinilai berdasarkan sumbangan mereka kepada pembangunan industri kewangan serta pertumbuhan dan kestabilan ekonomi secara keseluruhannya. Seperti yang ditekankan dalam PISK, pengenalan persaingan asing bentuk baru, terutamanya semasa sistem kewangan berada di tahap maju, akan juga dipertimbangkan bagi memastikan sistem kewangan dalam negeri terus berkesan, bertenaga dan responsif terhadap keperluan ekonomi.

Suasana pengawalseliaan akan juga mempengaruhi lanskap sektor perbankan masa hadapan. Perubahan dalam falsafah dan pendekatan pengawalseliaan yang akan dilaksanakan bermatlamat menyediakan persekitaran yang menggalakkan bagi pertumbuhan dan perkembangan institusi perbankan.

Bagi para pengguna pula, PISK menekankan keperluan bagi para pengguna bertanggungjawab ke atas urusan kewangan mereka sendiri bagi mewujudkan persekitaran yang kompetitif. Bagi mencapai matlamat ini, satu program pendidikan yang proaktif dirancang bagi membolehkan pengguna membuat keputusan yang lebih bijak mengenai hal kewangan mereka. Ketelusan produk dan institusi perlu dipertingkatkan bagi melahirkan kesedaran pengguna yang lebih tinggi terhadap produk bank dan kewangan. Dalam masa yang sama, fleksibiliti yang bertambah dalam proses penentuan harga produk akan melahirkan pelbagai strategi persaingan yang berlainan di kalangan institusi perbankan, yang seterusnya akan membawa manfaat kepada para pengguna dari segi kos yang lebih rendah serta produk dan perkhidmatan yang berkualiti.

Sektor Insurans

Saranan dalam PISK bertujuan untuk membina sektor insurans yang lebih cekap, berkesan dan stabil yang dapat menyokong keperluan ekonomi benar dan matlamat sosio-ekonomi negara. Ini melibatkan industri insurans yang:

- i. merupakan penggerak tabungan jangka panjang yang berkesan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi;
- ii. mempunyai kedudukan kewangan yang berdaya tahan untuk menghadapi pergolakan pasaran dan tekanan persaingan;
- iii. berada pada tahap inovasi terkini dengan rangkaian produk yang luas bagi pengguna pada harga yang kompetitif;
- iv. mengendalikan perniagaan melalui saluran pengagihan yang menyeluruh dan pelbagai untuk keselesaan pengguna;
- v. mempamerkan standard profesional dan etika yang tinggi; dan
- vi. lebih produktif dan efisien dari segi kos.

Untuk mencapai hasrat ini, PISK menggariskan satu program perubahan yang akan membina keupayaan penanggung insurans tempatan untuk bersaing dengan lebih berkesan bagi mendapatkan bahagian pasaran insurans yang berkembang tanpa merendahkan komitmen antarabangsa untuk meliberalisasikan sektor insurans, sementara memastikan pengguna di negara mempunyai akses kepada produk dan perkhidmatan yang terbaik untuk memenuhi keperluan mereka. Ini akan dicapai melalui satu siri langkah yang dirangka untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing penanggung insurans tempatan, menggalakkan penggabungan dan menerima pakai amalan terbaik serta merangsang inovasi melalui liberalisasi secara beransur-ansur.

Perbankan Islam dan Takaful

Berdasarkan prestasi cemerlang perbankan Islam dan takaful sejak pelancarannya, saranan dalam PISK bertujuan untuk menempatkan industri ini secara strategik untuk memasuki tahap pembangunan yang seterusnya serta meningkatkan kepentingannya dalam lanskap kewangan Malaysia. Memandangkan usaha-usaha Malaysia sebagai peneraju dalam menggalakkan perbankan Islam dan takaful serta penyediaan infrastruktur kewangan bagi menyokong operasi kewangan Islam, Malaysia berkedudukan strategik untuk membina pengkhususan dalam perbankan Islam dan takaful di pasaran tempatan, serantau dan antarabangsa.

Seperti yang ditekankan dalam PISK, objektif perbankan Islam dan takaful adalah untuk membentuk satu sistem kewangan Islam yang cekap, progresif dan lengkap yang dapat memberi sumbangan bermakna kepada kecekapan dan keberkesanan sektor kewangan negara di samping memenuhi keperluan ekonomi negara.

Lanskap industri perbankan Islam dan takaful pada tahun 2010 dijangka akan terbentuk seiring dengan perbankan dan insurans konvensional dengan ciri-ciri berikut:

- i. memaparkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam serantau;
- ii. merangkumi 20% daripada jujuk pasaran sistem perbankan dan industri insurans;
- iii. diwakili oleh sebilangan institusi perbankan Islam dan pengusaha takaful yang kukuh dengan modal yang besar yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang lengkap dan komprehensif; dan

- iv. berlandaskan rangka kerja Syariah, perundangan dan pengawalseliaan yang sesuai dan komprehensif.

Bagi mencapai wawasan dan objektif ini, saranan dan strategi khusus telah dirangka dalam PISK untuk ditumpukan kepada tiga sasaran utama: peningkatan kapasiti institusi; pembangunan prasarana kewangan dan pembangunan rangka kerja pengawalseliaan. Peningkatan kapasiti institusi melibatkan langkah-langkah untuk menyediakan pengusaha industri perbankan Islam dan takaful agar berada di kalangan institusi yang terbaik dari segi pengurusan, mampu meraih peluang daripada ciri-ciri unik perbankan Islam dan takaful bagi mencapai kelebihan daya saing.

Pelaksanaan saranan dalam PISK akan dibuat dalam tiga fasa. Di bawah Fasa I, tumpuan adalah untuk menyediakan satu landasan yang kukuh dan berdaya maju supaya perbankan Islam dan takaful dapat berkembang dengan kukuh. Di bawah Fasa II, lesen baru akan diberikan kepada pengusaha industri tempatan yang layak untuk mempertingkatkan persaingan. Di samping itu, prasarana perbankan Islam dan takaful akan dipertingkatkan lagi. Fasa III akan melibatkan pemberian lesen perbankan Islam kepada pengusaha perbankan Islam luar negara yang layak, sementara memastikan pembangunan prasarana yang komprehensif dan berkesan untuk menyokong operasi kewangan yang semakin liberal.

Institusi Pembiayaan Pembangunan

Institusi pembiayaan pembangunan yang kukuh dan dinamik yang sedia ada akan memastikan matlamat sosio-ekonomi negara dapat dicapai dengan cara yang paling cekap dan berkesan. Untuk melengkapi sektor perbankan dengan berkesan, matlamat PISK adalah untuk institusi pembiayaan pembangunan diperkukuhkan melalui peranan yang lebih jelas, rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan yang lebih berkesan, pembaikan dalam proses dan prosedur serta penggunaan teknologi yang lebih tinggi.

Industri Modal Teroka

Pembangunan kaedah pembiayaan alternatif akan diberi penekanan dalam peralihan kepada sektor kewangan yang pelbagai. Matlamat khusus adalah untuk membangunkan industri modal teroka yang dinamik serta menggalakkan pembangunan jenis institusi yang baru yang dapat menampung keperluan bidang baru seperti insurans jaminan kewangan.

Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan

Bagi industri luar pesisir, Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) Labuan akan dimajukan sebagai pusat yang bukan sekadar berkembang maju atas sebab perkhidmatan kewangan luar pesisir semata-mata, tetapi merupakan sebuah pusat kewangan yang turut dibangunkan secara holistik untuk menyokong pembangunan Labuan.

Penstrukturan Semula Sektor Kewangan dan Korporat

Pembaharuan sektor kewangan telah mencapai kemajuan yang nyata. Program penggabungan sektor perbankan selesai dilaksanakan dengan jayanya dengan 52 daripada 54 institusi perbankan digabungkan kepada 10 kumpulan perbankan dan 98% daripada jumlah aset sektor perbankan tempatan dirasionalisasi dan disatukan.

Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) terus mencapai kemajuan dalam penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat. Sehingga akhir Jun 2001, portfolio **Danaharta** berjumlah RM48,027 juta. Portfolio NPL ini merupakan 39.7% daripada jumlah NPL sistem perbankan. Jumlah harga belian untuk memperolehi NPL adalah sebanyak RM9,015 juta, terdiri daripada RM800 juta tunai dan bon yang dijamin Kerajaan sebanyak RM8,215 juta. Penstrukturan semula sektor perbankan telah dilaksanakan dengan kos yang lebih rendah sebanyak RM18,100 juta daripada yang diramalkan sebanyak RM31,000 juta.

Danaharta kini bertumpu kepada pengurusan portfolio NPL dengan mengguna pakai pelbagai kaedah penyelesaian, seperti penyusunan semula, penjadualan dan skim perkiraan bagi pinjaman yang berdaya maju serta perampasan dan pelantikan pentadbir khas bagi pinjaman yang tidak berdaya maju. Sehingga akhir Jun 2001, Danaharta telah memulakan langkah pemulihan ke atas 81% daripada NPL di bawah portfolionya. Pemulihan NPL (selepas ditolak pemungkiran) dijangka sebanyak RM23,210 juta yang merupakan kadar pemulihan sebanyak 57%.

Danamodal telah menyuntik sebanyak RM7,590 juta modal ke dalam 10 institusi perbankan sejak penubuhannya pada Ogos 1998. Setakat ini, tujuh institusi perbankan telah membayar balik pinjaman sepenuhnya, sementara dua institusi perbankan membayar balik sebahagian daripada pinjaman mereka berjumlah RM3,850 juta. Suntikan modal yang belum dijelaskan oleh tiga lagi institusi perbankan adalah sebanyak RM3,740 juta pada akhir Julai 2001 (akhir 2000: RM4,440 juta), dan dijangka akan berkurangan dengan

penyelesaian perjanjian jual beli dengan salah satu daripada tiga institusi perbankan.

CDRC telah menerima 62 kes yang layak dengan hutang bernilai RM56,383 juta sehingga akhir Ogos 2001. CDRC telah berjaya menyelesaikan penyusunan semula bagi 35 kes dengan hutang bernilai RM27,379 juta, termasuk lima kes yang telah diselesaikan oleh Danaharta. Kes tertunggak adalah 27 dengan hutang sebanyak RM29,004 juta pada akhir Ogos. Ini termasuk penyusunan semula tujuh kes yang sebelum ini telah diselesaikan tetapi sedang disemak semula berikutan perubahan dalam keadaan pasaran dan enam kes dengan hutang berjumlah RM1,573 juta yang sedang distruktur semula oleh Danaharta.

Proses penyusunan semula hutang oleh CDRC dijangka akan dipercepatkan dengan pengurusan dan peraturan baru yang dilaksanakan. Antara lain, CDRC telah menambahkan keanggotaan jawatankuasa pemandu untuk merangkumi wakil dari Danaharta dan Persekutuan Syarikat Awam Terserai. Perubahan ketara juga dibuat kepada rangka kerja dan pendekatan yang digunakan untuk mempercepatkan proses penstrukturan semula seperti melaksanakan rangka masa untuk penyusunan semula. Rangka kerja baru juga menekankan bahawa peminjam perlu melaksanakan penstrukturan operasi bersama penyusunan semula hutang. Inisiatif akhir adalah berhubung dengan penzahiran dan keperluan membuat laporan untuk memaklumkan pasaran mengenai usaha penyusunan semula. CDRC menjangka kes yang diterima pada masa depan akan berkurangan memandangkan ia akan hanya menerima kes daripada peminjam dengan jumlah hutang minimum sebanyak RM100 juta dan pendedahan kepada sekurang-kurangnya lima institusi perbankan pemiutang berbanding jumlah minimum sebanyak RM50 juta dan dua institusi perbankan pemiutang sebelum ini.

Perbankan Islam

Perbankan Islam menawarkan alternatif penting kepada perbankan konvensional dalam sistem kewangan. Perbankan Islam terus berkembang pada tahun 2001, mencerminkan penerimaan yang meningkat di kalangan orang awam.

Bahagian pasaran aset sistem perbankan Islam meningkat kepada 7.3% pada akhir Julai 2001 (akhir 2000: 6.9%), sementara deposit dan pembiayaan perbankan Islam masing-masing menyumbang 8.3% dan 6.2% (akhir 2000: 7.4% dan 5.3%). Pada akhir Julai 2001, sistem perbankan Islam terdiri daripada dua bank Islam, iaitu Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad serta 35 institusi kewangan yang lain (14 bank perdagangan, sembilan syarikat kewangan, lima bank saudagar dan tujuh syarikat diskaun) yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam menerusi Skim Perbankan Islam (SPI).

Jumlah aset sistem perbankan Islam terus berkembang dan meningkat 3.2% pada tujuh bulan pertama tahun 2001, berikutan kenaikan 10% dalam deposit, seperti di *Jadual 8.6*. Pembiayaan yang disalurkan oleh sistem perbankan Islam juga meningkat 20.3%. Sebahagian besar pembiayaan disalurkan terus kepada sektor harta kediaman dengan menyumbang 21.3%, diikuti oleh sektor pengangkutan sebanyak 19.4% dan sektor perkilangan sebanyak 11.7%. Walau bagaimanapun, urus niaga dalam pasaran wang antara bank Islam berkurangan kepada purata bulanan sebanyak RM22,700 juta pada tujuh bulan pertama tahun 2001 (2000: purata bulanan sebanyak RM25,152 juta).

JADUAL 8.6

Perbankan Islam: Petunjuk Utama

	RM juta		Perubahan (%)
	Akhir 2000	Akhir Julai 2001	
Aset	47,069	48,589	3.2
Deposit	35,923	39,523	10.0
Pelaburan	24,464	30,006	22.7
Simpanan	3,327	3,695	11.1
Semasa	6,564	6,045	-7.9
Pembiayaan	20,891	25,141	20.3
Perkilangan	2,044	2,947	44.2
Harta kediaman	3,974	5,355	34.8
Pengangkutan	788	4,879	519.2

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Beberapa langkah terus diambil untuk membangunkan lagi sistem perbankan Islam seperti berikut:

- i. memperkukuh sistem perbankan Islam untuk merangkumi sekurang-kurangnya 20% daripada jujuk pasaran perbankan dan industri insurans menjelang tahun 2010 seperti yang digariskan dalam PISK;
- ii. membangunkan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (IIFM). Bagi maksud ini, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) bersama Bank Pembangunan Islam (IDB) dan bank pusat Islam yang lain seperti Bahrain, Sudan dan Indonesia telah memeterai memorandum persefahaman untuk membangunkan IIFM. Penubuhan IIFM dijangka akan menggalakkan lagi Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir dalam perbankan Islam serantau;
- iii. menubuhkan satu Pertubuhan Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSO), yang kini sedang giat dijalankan di kalangan bank pusat Islam. IFSO akan dipertanggungjawabkan untuk merangka dan mengeluarkan piawaian pengawalseliaan dan kehematan bagi institusi kewangan Islam di seluruh dunia. Malaysia telah menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah kepada IFSO; dan
- iv. menawarkan tiga lagi produk baru, iaitu pembiayaan Islam berkadar terapung, instrumen deposit boleh niaga Islam dan pajakan Islam di bawah konsep *Al-Ijarah Thumma Al-Bai'*.

Institusi Pembiayaan Pembangunan

Institusi pembiayaan pembangunan (IPP) ditubuhkan untuk mempromosi sektor-sektor penting ekonomi terutamanya sektor pertanian, perkilangan dan infrastruktur serta untuk menggalakkan eksport, khususnya barangan modal. Jumlah sumber lapan buah IPP meningkat dengan sederhana sebanyak 7% kepada RM25,914 juta pada akhir Jun 2001 (akhir Jun

2000: RM24,229 juta). Peningkatan sumber ini disebabkan oleh peminjaman dan deposit yang lebih tinggi daripada Kerajaan dan perbadanan berkaitan yang meningkat 37.9% kepada RM16,498 juta untuk menyumbang 63.7% daripada jumlah sumber. Peningkatan peminjaman adalah terutamanya oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia (BPIMB) bagi membiayai projek-projek penswastaan infrastruktur. Walau bagaimanapun, dana modal IPP meningkat sedikit kepada RM2,965 juta pada akhir Jun 2001.

Berian pinjaman oleh IPP meningkat 23.4% kepada RM13,940 juta pada akhir Jun 2001, seperti di *Jadual 8.7*. Berian pinjaman kepada sektor pengangkutan dan penyimpanan menyumbang bahagian yang ketara sebanyak 26.1% selaras dengan perkembangan sektor perkhidmatan dalam ekonomi. Pinjaman kepada sektor pertanian dan perkilangan meningkat dengan sederhana, namun sumbangannya kepada jumlah pinjaman merosot sedikit, masing-masing kepada 15.7% dan 25.4%.

JADUAL 8.7

**Haluan Berian Pinjaman Oleh
Institusi Pembiayaan Pembangunan
(akhir Jun)**

Sektor	RM juta		Sumbangan (%)	
	2000	2001 ^a	2000	2001
Pertanian	1,972	2,185	17.5	15.7
Perkilangan	3,078	3,540	27.2	25.4
Perkhidmatan	3,126	4,563	27.7	32.7
Pengangkutan dan penyimpanan	2,226	3,634	19.7	26.1
Harta tanah & pembinaan	2,480	2,925	22.0	21.0
Lain-lain	637	727	5.6	5.2
Jumlah	11,293	13,940	100.0	100.0

^a Data awal.

Sumber: Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Export-Import Bank of Malaysia, Sabah Development Bank, Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd. dan Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

IPP dan institusi kewangan yang lain terus menyediakan pembiayaan di bawah beberapa skim bantuan khas yang bertujuan membantu PKS dan usahawan. Berian pinjaman di bawah dana oleh BNM meningkat sedikit kepada RM9,521 juta pada akhir Ogos 2001 (akhir 2000: RM9,165 juta). Beberapa perubahan utama berhubung dengan saiz skim bantuan khas serta kriteria kelayakan telah diumumkan pada 27 Mac 2001. Ini adalah sebahagian daripada rangsangan fiskal dan langkah-langkah *pre-emptive* untuk menangani kesan daripada kelembapan ekonomi AS dan bertujuan untuk mempromosi pembiayaan PKS. Perubahan ini adalah seperti berikut:

- Tabung Makanan telah ditambah RM300 juta kepada RM1,300 juta;
- Tabung Usahawan Baru (TUB) ditambah RM250 juta kepada RM1,500 juta;
- Tabung untuk Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) ditambah dua kali ganda kepada RM400 juta dengan kriteria kelayakan diperluaskan untuk merangkumi sektor bukan eksport;
- Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan yang baru berjumlah RM500 juta telah ditubuhkan, merangkumi langkah-langkah pemulihan seperti khidmat nasihat, kontrak baru dan bantuan kewangan; dan
- kadar faedah pinjaman untuk Tabung Makanan telah dikurangkan daripada 4% kepada 3.75% sementara kadar faedah untuk TUB dan TIKS 2 masing-masing dikurangkan daripada 6% kepada 5.5% dan 6.5% kepada 5.5%.

Peruntukan tambahan sebanyak RM250 juta untuk TUB telah disalurkan kepada CGC yang dilantik sebagai pentadbir. Peruntukan tambahan ini telah dinamakan sebagai Tabung Usahawan Baru 2 (TUB 2) berkuatkuasa 15 Julai 2001. Dana ini kini disalurkan menerusi bank perdagangan, bank Islam dan syarikat kewangan serta Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad, BPIMB dan Malaysian Industrial Finance Berhad untuk memastikan bahawa PKS akan mempunyai pilihan luas dalam mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan di bawah TUB 2.

Institusi Kewangan Lain

Syarikat Diskaun

Syarikat diskaun memainkan peranan yang penting di dalam sistem kewangan, termasuk pertumbuhan dan pembangunan aktiviti perbankan berlandaskan prinsip Islam. Jumlah sumber syarikat diskaun meningkat dengan ketara sebanyak 44.3% kepada RM12,910 juta pada akhir Ogos 2001. Berikutan daripada pertumbuhan jumlah sumber, jumlah pelaburan syarikat diskaun meningkat 11.9% kepada RM19,424 juta (akhir Ogos 2000: RM17,357 juta). Sebahagian besar sumber syarikat diskaun dilaburkan dalam penerimaan jurubank (BA), berjumlah RM5,152 juta atau 26.5% daripada jumlah pelaburan (akhir Ogos 2000: RM3,638 juta). BA kekal menarik kerana ia merupakan pelaburan jangka pendek serta boleh diniagakan. Pada akhir Ogos 2001, terdapat tujuh syarikat diskaun yang beroperasi.

Bank Simpanan Nasional

Bank Simpanan Nasional (BSN) terus memainkan peranan yang penting dalam mempromosi dan menggerakkan simpanan, khususnya di kalangan golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Jumlah sumber BSN meningkat 17.2% kepada RM11,312 juta pada akhir Jun 2001 (akhir Jun 2000: RM9,655 juta), berpunca daripada pertambahan deposit sebanyak 25%, seperti di *Jadual 8.8*. Simpanan tetap kekal sebagai skim deposit paling popular, menyumbang 46.3% daripada jumlah deposit dan diikuti oleh deposit GIRO sebanyak 27.2%. Berian pinjaman oleh BSN meningkat 20% kepada RM2,356 juta, dengan sebahagian besar pinjaman disalurkan kepada individu untuk menyumbang 55.5% daripada jumlah pinjaman.

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Kumpulan wang simpanan dan pencen (PPF) terus memainkan peranan yang penting dalam ekonomi dari segi menggerakkan dan menyalur dana untuk membiayai projek-projek sektor awam dan swasta. Jumlah sumber sembilan PPF, terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial

JADUAL 8.8

Bank Simpanan Nasional (akhir Jun)

	2000	2001 ^P
Deposit¹ (RM juta)	9,194.16	11,488.30
Simpanan	1,353.51	1,281.52
Tetap	4,038.05	5,317.81
Simpanan dari pendapatan	14.67	15.80
GIRO	2,855.06	3,126.31
Sijil Simpanan Premium	571.51	656.41
Skim Perbankan Islam	193.36	194.45
CHESS	168.00	896.00
Pinjaman Kasar (RM juta)	1,962.93	2,356.28
Individu	817.92	1,307.86
Korporat	199.00	182.88
Kad kredit	40.37	47.43
Sewa beli	905.64	818.11
Bilangan cawangan BSN	437	434
Bilangan pejabat pos dengan kemudahan BSN	506	482
Bilangan penyimpan ('000)	8,435	8,383

¹ Termasuk faedah yang dikenakan.

^P Data awal.

Sumber: Bank Simpanan Nasional.

(PERKESO), Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Amanah Pencen dan lima PPF swasta terus berkembang. Peningkatan 7.6% ini berpunca daripada pertumbuhan caruman terkumpul sebanyak 4.8%, seperti di *Jadual 8.9*. KWSP kekal menyumbang bahagian terbesar daripada jumlah sumber iaitu sebanyak 83.8%.

Pada tempoh ini, caruman bersih PPF mencatatkan jumlah negatif, mencerminkan pengeluaran yang lebih tinggi. Pengeluaran meningkat sebanyak 218.2%, terutamanya disebabkan pengeluaran yang dibuat oleh pencarum KWSP di bawah empat skim pengeluaran baru, iaitu untuk pembelian komputer, pendidikan, kakitangan kerajaan yang berpencen dan skim anuiti. Walau bagaimanapun, caruman kasar PPF terus meningkat sebanyak 10.3% selaras dengan peningkatan bilangan pencarum. Pendapatan pelaburan PPF pula turun 3.8%. PPF terus melabur sebahagian besar dalam SKM

JADUAL 8.9

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Petunjuk Terpilih

	RM juta	
	2000	2001 ^p
Akhir Jun		
Bilangan pencarum ('000)	30,182	30,014
di mana: KWSP	9,731	10,101
PERKESO	4,643	5,185
Caruman terkumpul	189,996	199,204
Jumlah sumber	206,440	222,052
di mana: KWSP	176,900	186,065
PERKESO	8,722	9,552
Pelaburan dalam SKM	68,045	78,987
Pada tempoh ini		
Caruman kasar	9,206	10,154
Pengeluaran	4,542	14,452
Caruman bersih	4,660	(4,304)
Pendapatan pelaburan	9,933	9,556

^p Data awal.

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan lima kumpulan wang simpanan dan pencen swasta (Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan Estet Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan MAS Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja SESCO, Skim Faedah Persaraan Petronas dan Kumpulan Wang Simpanan Jenderata-Bernam).

yang meningkat 16.1% untuk merangkumi 35.7% daripada jumlah pelaburan. Pelaburan dalam sekuriti dan bon korporat juga meningkat 18.7% kepada RM72,261 juta untuk menyumbang 32.6% daripada jumlah pelaburan (akhir Jun 2000: RM60,892 juta dengan bahagian 29.4%).

Industri Insurans

Industri insurans penting dalam sistem kewangan dan terus berkembang dalam suasana perniagaan yang semakin dinamik. Industri ini yang terdiri daripada insurans hayat dan insurans am, terus berkembang selaras dengan pertumbuhan sektor perkhidmatan. Pendapatan premium perniagaan baru **insurans hayat** meningkat 185% kepada RM3,463 juta (Januari-

Jun 2000: RM1,215 juta), sementara jumlah diinsuranskan meningkat 10% kepada RM66,150 juta (Januari-Jun 2000: RM60,156 juta), terutamanya disebabkan oleh pengenalan skim anuiti, seperti di *Jadual 8.10*. Premium perniagaan baru perniagaan anuiti berjumlah RM2,164 juta pada lima bulan pertama tahun 2001, sebelum penggantungannya pada bulan Mei, berbanding RM1.4 juta pada suku ketiga 2000 waktu ia mula dilancarkan. Jumlah aset dana insurans hayat meningkat 21.9% kepada RM41,457 juta (akhir Jun 2000: RM34,002 juta) dengan sebahagian besar dilaburkan dalam sekuriti korporat dan

JADUAL 8.10

Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	Akhir 2000	Akhir Jun ^p 2001
Perniagaan Insurans Hayat (RM juta)		
Perniagaan baru		
Bilangan polisi ('000 unit)	1,174.2	672.7
Jumlah diinsuranskan	116,816.6	66,149.7
Jumlah premium	2,942.3	3,462.5
Perniagaan berkuatkuasa		
Bilangan polisi ('000 unit)	7,234.9	7,597.0
Jumlah diinsuranskan	399,662.8	412,049.2
Premium tahunan	7,364.7	7,682.9
Pendapatan premium	8,870.3	6,693.8
Aset (RM juta)		
di mana: Sekuriti korporat dan hutang	16,673.3	19,672.6
Tunai dan deposit	5,543.4	6,542.7
Insurans Am (RM juta)		
Pendapatan premium		
Premium langsung kasar	5,928.6	3,206.5
Premium bersih	5,057.9	2,572.9
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	585.4	344.7
Nisbah bendungan (%) ¹	89.6	88.2
Aset (RM juta)		
di mana: Sekuriti korporat dan hutang	13,793.7	14,442.4
Tunai dan deposit	4,021.5	4,404.4
	5,160.2	5,426.4

¹ Premium bersih/ premium langsung kasar dan insurans semula diterima tolak insurans semula dalam Malaysia.

^p Data awal.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 8.11

**Insurans Am
Pertumbuhan dan Agihan Premium
(Januari-Jun)**

	2000		2001		Pertumbuhan (%)
	RM juta	Sumbangan (%)	RM juta	Sumbangan (%)	
Motor	1,298.0	44.2	1,466.7	45.7	13.0
Marin, Udara dan Transit	233.4	8.0	278.0	8.7	19.1
Kebakaran	695.7	23.7	696.7	21.7	0.1
Pelbagai	705.8	24.1	765.1	23.9	8.4
Premium langsung kasar	2,932.9	100.0	3,206.5	100.0	9.3

Sumber: Bank Negara Malaysia.

hutang, menyumbang 47.5% daripada jumlah aset, diikuti oleh tunai dan deposit dengan bahagian 15.8%.

Premium langsung kasar **insurans am** meningkat 9.3% kepada RM3,207 juta pada separuh pertama (Januari-Jun 2000: RM2,933 juta), seperti di *Jadual 8.11*. Insurans motor meningkat 13% dan terus menyumbang bahagian terbesar, iaitu 45.7% daripada jumlah premium langsung kasar. Jumlah aset dana insurans am meningkat sederhana sebanyak 4.7% selaras dengan kadar pertumbuhan premium langsung kasar yang lebih perlahan. Pelaburan dana insurans am terus dikuasai oleh pemegangan dalam bentuk tunai dan deposit dengan bahagiannya sebanyak 37.6%, diikuti oleh sekuriti korporat dan hutang sebanyak 30.5%.

Insurans Takaful

Insurans takaful merupakan alternatif kepada insurans konvensional. Industri takaful Malaysia terdiri daripada dua pengendali takaful, iaitu Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Nasional Sdn. Berhad. Industri takaful terus mengekalkan kadar pertumbuhannya dengan petunjuk perniagaan utama mencatat pertumbuhan dua digit yang lebih tinggi. Perniagaan baru takaful keluarga meningkat dengan mendadak sebanyak 370.9% kepada RM1,316 juta, terutamanya berpunca daripada

JADUAL 8.12

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	Tahun Kewangan 2000	Tahun Kewangan 2001 ^P
Aset¹ (RM juta)	1,312.3	2,188.6
Sijil Pelaburan Malaysia	142.3	355.5
Pelaburan dalam Bank Islam Malaysia Bhd.	126.3	45.8
Sekuriti korporat	228.2	360.6
Tunai dan deposit	294.4	644.7
Pembiayaan	91.8	255.0
Aset tetap	133.5	130.8
Lain-lain	295.8	396.2
Perniagaan Takaful Keluarga		
Perniagaan baru		
Jumlah sumbangan (RM juta)	279.5	1,316.1
Jumlah penyertaan (RM juta)	12,067.5	17,711.7
Bilangan sijil	163,492	221,028
Perniagaan berkuatkuasa		
Jumlah sumbangan (RM juta)	596.7	1,771.5
Jumlah penyertaan (RM juta)	25,568.2	39,672.0
Bilangan sijil	439,822	649,082
Perniagaan Takaful Am		
Caruman kasar (RM juta)	177.0	227.8
Tuntutan pembayaran bersih (RM juta)	31.0	57.7

¹ Aset dana takaful keluarga, dana takaful am dan dana pemegang saham.

^P Data awal.

Sumber: Syarikat Takaful Malaysia Bhd. dan Takaful Nasional Sdn. Bhd.

skim anuiti untuk pencarum KWSP, seperti di *Jadual 8.12*. Begitu juga, caruman kasar perniagaan takaful am juga berkembang 28.7%. Jumlah aset dana takaful dan dana pemegang saham meningkat dengan ketara sebanyak 66.8% kepada RM2,189 juta pada akhir Jun 2001. Sebahagian besar aset takaful dipegang dalam bentuk tunai dan deposit untuk merangkumi 29.5% daripada jumlah aset, diikuti oleh pelaburan sekuriti korporat sebanyak 16.5%.

Pasaran Modal

Pelancaran **Pelan Induk Pasaran Modal (CMP)** pada bulan Februari 2001 mencerminkan aspirasi Kerajaan dalam hala tuju pasaran modal ke arah peningkatan daya tahan, kecekapan dan daya saing. CMP bertujuan melengkapkan dan membangun pasaran modal bagi menyokong keperluan pertumbuhan ekonomi negara serta menyediakannya dengan strategik ke arah liberalisasi secara beransur bagi menghadapi cabaran globalisasi. Sehingga kini, lebih daripada 20% cadangan CMP telah dilaksanakan.

Dana yang Diperolehi melalui Pasaran Modal

Jumlah dana bersih yang diperolehi oleh sektor awam dan swasta melalui pasaran modal pada lapan bulan pertama berkurang 35.2% kepada RM15,394 juta, mencerminkan aktiviti ekonomi yang lebih perlahan, seperti di *Jadual 8.13*. Dana bersih yang diperolehi oleh sektor swasta mencatat RM11,357 juta atau 73.8% daripada jumlah dana bersih, manakala baki sebanyak RM4,037 juta telah diperolehi oleh sektor awam.

Dalam tempoh ini, terbitan SKM meningkat sebanyak 16.2% kepada RM11,257 juta untuk menyumbang 82.5% kepada dana kasar yang diperolehi oleh sektor awam. Ini mencerminkan keperluan kewangan Kerajaan yang meningkat serta komitmen untuk mewujudkan kadar ukur rujuk bagi pasaran bon melalui penerbitan SKM secara berterusan. Walau bagaimanapun, dana yang diperolehi melalui terbitan bon Khazanah merosot kepada RM583 juta. Penebusan yang lebih tinggi sebanyak RM9,609 juta telah dicatatkan, terutamanya terdiri daripada SKM yang berjumlah RM6,600 juta.

JADUAL 8.13

Dana yang Diperolehi dari Pasaran Modal (Januari-Ogos) (RM juta)

	2000	2001 ^P
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Hutang		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	9,690.7	11,256.7
Bon Khazanah	680.3	583.3
Terbitan Pelaburan Kerajaan	0	1,805.5
Bon Simpanan Malaysia	0	0
Terbitan baru sekuriti Kerajaan	10,371.0	13,645.5
Tolak: Penebusan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	2,350.0	6,600.0
Terbitan Pelaburan Kerajaan	0	2,000.0
Bon Simpanan Malaysia	14.3	8.7
Bon Khazanah	0	1,000.0
Dana bersih diperolehi	8,006.8	4,036.8
Oleh Sektor Swasta		
Saham¹		
Terbitan awam	742.3	1,565.6
Terbitan hak	2,791.2	883.6
Penempatan persendirian/ tawaran jualan secara terhad	803.7	1,653.2
Terbitan khas	97.9	32.9
Waran	70.5	408.0
Terbitan saham baru	4,505.6	4,543.3
Sekuriti Hutang² (kasar)		
Bon langsung	4,986.2	5,249.0
Bon boleh tukar	1,711.7	1,256.0
Bon berasaskan prinsip Islam	4,715.0	7,386.8
Bon dengan waran	0	912.8
Bon Cagamas	6,591.0	4,840.0
Bon yang disokong aset	0	255.0
Terbitan baru sekuriti hutang	18,003.9	19,899.6
Tolak: Penebusan		
Sekuriti hutang swasta ³	4,223.9	8,120.9
Bon Cagamas	2,550.0	4,965.0
Terbitan bersih sekuriti hutang	11,230.0	6,813.7
Dana bersih yang diperolehi	15,735.6	11,357.0
Jumlah bersih dana yang diperolehi	23,742.4	15,393.8

¹ Tidak termasuk dana yang diperolehi melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah, Waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

² Tidak termasuk bon yang diterbitkan oleh institusi perbankan.

³ Termasuk semua bon biasa, bon dengan waran, bon boleh tukar dan bon Islam.

^P Data awal.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Dana kasar yang diperolehi oleh sektor swasta melalui PDS meningkat lebih tinggi kepada RM19,900 juta, memandangkan persekitaran kadar faedah yang rendah telah menggalakkan sektor korporat untuk mengikat kos pembiayaan. Walau bagaimanapun jumlah dana bersih yang diperolehi melalui pasaran PDS, menguncup 39.3% kepada RM6,814 juta disebabkan oleh penebusan yang lebih tinggi berjumlah RM13,086 juta. Bon Islam menguasai pasaran PDS dengan sumbangan 37.1%, mencerminkan permintaan yang kukuh terhadap sekuriti hutang berasaskan Islam di kalangan pelabur. Sementara bon langsung dan bon Cagamas masing-masing menyumbang 26.4% dan 24.3% kepada jumlah PDS.

Pasaran ekuiti kekal sebagai sumber pembiayaan yang penting walaupun sentimen pasaran adalah lemah. Dana yang diperolehi melalui terbitan ekuiti meningkat 0.8% kepada RM4,543 juta. Sebahagian besar dana yang diperolehi melalui pasaran ekuiti adalah melalui penempatan persendirian dan tawaran jualan secara terhad berjumlah RM1,653 juta untuk menyumbang 36.4%.

Agensi Penarafan

Kedua-dua agensi penarafan kredit terus memainkan peranan yang penting dalam pembangunan pasaran bon. Bilangan penarafan yang telah diuruskan oleh **Rating Agency Malaysia (RAM)** dan **Malaysian Rating Corporation (MARC)** merosot kepada 53 terbitan bernilai RM14,053 juta pada lapan bulan pertama (Januari-Ogos 2000: 60 terbitan bernilai RM23,520 juta) selaras dengan pertumbuhan aktiviti ekonomi yang lebih perlahan. Daripada jumlah 53 penarafan, RAM telah menaraf sebanyak 35 terbitan bernilai RM9,773 juta, manakala baki 18 terbitan dengan nilai sebanyak RM4,280 juta telah disempurnakan oleh MARC. Walaupun aktiviti ekonomi menjadi lebih perlahan, sebahagian besar terbitan PDS yang ditaraf adalah dalam kategori A dan ke atas, mencerminkan profil risiko kredit yang bertambah baik. Agensi penarafan tempatan terus mengambil langkah untuk membangun dan mengukuhkan industri penarafan. Secara khususnya langkah MARC mewujudkan hubungan strategik dengan

Fitch, salah satu daripada tiga agensi penarafan antarabangsa, dijangka akan meningkatkan lagi penarafan sektor korporat dan terbitan PDS, terutamanya sekuriti hutang yang disokong aset.

Cagamas

Cagamas, perbadanan gadai janji nasional, terus kekal sebagai perantara penting dalam pembangunan pasaran bon korporat. Cagamas telah mengeluarkan sejumlah 34 terbitan bernilai RM13,030 juta pada lapan bulan pertama (Januari-Ogos 2000: RM18,448 juta melalui 39 terbitan), merangkumi RM8,190 juta nota dan RM4,840 juta bon. Walau bagaimanapun, pinjaman perumahan yang dibeli oleh Cagamas, merosot 57% kepada RM2,352 juta (Januari-Ogos 2000: RM5,477 juta), mencerminkan mudah tunai yang lega dalam sistem perbankan serta persekitaran kadar faedah yang rendah yang tidak menggalakkan institusi kewangan untuk mencagarkan pinjaman perumahan mereka kepada Cagamas. Sementara, pembiayaan jual beli dan pemajakan pula mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 30.8% kepada RM3,465 juta (Januari-Ogos 2000: RM2,650 juta). Ini adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan keperluan untuk melindungi nilai di kalangan institusi kewangan yang terlibat dalam pembiayaan jual beli dan pemajakan.

Bursa Saham Kuala Lumpur

Seiring dengan arah aliran bursa serantau, **Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL)** memulakan tahun 2001 dengan prestasi yang kurang menggalakkan disebabkan oleh keadaan ekonomi global yang lemah dan kedudukan pasaran yang tidak menentu. Namun demikian, tanda aras Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) melepasi paras 700 mata semasa kenaikan sebelum Tahun Baru Cina dan terus meningkat untuk ditutup pada 727.73 mata, iaitu kenaikan 7.1% pada akhir Januari (akhir Disember 2000: 679.64 mata).

Walaupun bagaimanapun, arah aliran yang meningkat tidak kekal dan KLCI jatuh di bawah paras 600 mata untuk ditutup pada 584.50 mata pada bulan April. Sentimen pasaran bertambah baik pada bulan Julai, terutamanya berikutan perkembangan

JADUAL 8.14

**Bursa Saham Kuala Lumpur:
Petunjuk Pilihan**

	Januari-September		Perubahan (%)
	2000	2001	
Indeks harga¹			
Komposit	713.51	615.34	-13.8
Emas	174.94	145.84	-16.6
Papan Kedua	172.31	109.61	-36.4
Jumlah urus niaga²			
Jumlah (juta unit)	60,799	33,081	-45.6
Nilai (RM juta)	201,134	59,359	-70.5
Purata urus niaga harian²			
Jumlah (juta unit)	330	180	-45.5
Nilai (RM juta)	1,093	323	-70.4
Nilai pasaran ¹ (RM juta)	488,815	411,347	-15.8
Nilai pasaran ¹ /KDNK (%)	143.5	119.1	-17.0
Jumlah syarikat yang disenaraikan¹	788	807	2.4
Papan Utama	487	515	5.7
Papan Kedua	301	292	-3.0
Mudah tunai pasaran¹			
Nilai urus niaga/Nilai pasaran (%)	41.2	14.4	-64.9
Nilai urus niaga/Bilangan sekuriti yang disenaraikan (%)	32.3	16.8	-48.0
Penumpuan pasaran¹			
10 saham dengan nilai pasaran tertinggi/Nilai pasaran (%)	34.5	36.8	6.7
Purata modal berbayar syarikat broker saham¹ (RM juta)	126	141	12.6

¹ Pada akhir tempoh.² Urus niaga pasaran sahaja.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur.

paras 700 mata dalam urus niaga harian pada 10 September dan ditutup pada 690.54 mata pada 11 September. Walau bagaimanapun, berikutan serangan terhadap AS pada 11 September 2001, KLCI bersama dengan bursa saham utama dan serantau telah mengalami kejatuhan dan ditutup pada 615.34 mata pada akhir September.

Meskipun dengan arah aliran yang menurun, pencapaian KLCI masih lebih baik berbanding kebanyakan pasaran saham terpilih serantau. Dalam tempoh akhir 2000 hingga akhir September 2001, KLCI hanya merosot 9.5%. Sebaliknya Indeks Hang Seng merosot 34.1%, Indeks Straits Times Singapura (STI) 31.5% dan Indeks Nikkei 29.1%, manakala Indeks Komposit Filipina, Indeks Berwajaran Taipei, Indeks Komposit Jakarta dan Indeks Komposit Korea, masing-masing turun 24.6%, 23.3%, 5.7% dan 4.9% seperti di *Carta 8.3*. Tahap KLCI pada 615.34 mata adalah jauh lebih tinggi sebanyak 134.2% berbanding tahap terendah sebanyak 262.70 mata pada 2 September 1998. Dari segi pasaran, BSKL menduduki tangga ketujuh di kalangan pasaran di rantau Asia Pasifik pada akhir Ogos 2001, iaitu hanya satu tangga di belakang Singapura dan mengatasi negara ASEAN lain.


Walaupun bagaimanapun, jumlah urus niaga di BSKL merosot 45.6% kepada 33,081 juta unit manakala purata urus niaga harian mencatatkan 180 juta unit pada sembilan bulan pertama, seperti di *Jadual 8.14*. Dari segi prestasi mengikut sektor, sektor perdagangan dan perkhidmatan terus menyumbang sebahagian besar daripada jumlah urus niaga, iaitu sebanyak 25%, diikuti oleh sektor pinjaman dan hak langganan boleh ubah sebanyak 23.7% dan sektor kewangan sebanyak 16.9%. Dalam tempoh yang sama, 14 syarikat baru disenaraikan dengan modal nominal berjumlah RM323 juta, dengan enam syarikat tersenarai di Papan Utama dan lapan di Papan Kedua.

Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia


Prestasi Indeks Komposit **Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ)** (MCI) memulakan tahun 2001 dengan

positif dalam penggabungan korporat dan pengambilalihan serta pendirian Kerajaan yang lebih tegas mengenai penstrukturan semula sektor korporat. KLCI terus meningkat untuk ditutup pada 659.40 mata pada bulan Julai dan ditutup lebih tinggi pada 687.16 mata pada bulan Ogos. Kedudukan KLCI adalah kukuh untuk meneruskan arah aliran yang meningkat dengan melepasi

CARTA 8.3
Bursa Saham



Bursa Saham Kuala Lumpur
Urus Niaga Bulanan¹



sentimen yang kurang menggalakkan untuk ditutup pada 86.76 mata pada akhir Januari (akhir 2000: 93.10 mata). MCI mengalami arah aliran menurun untuk ditutup pada 77.35 mata pada akhir September 2001, seperti di *Carta 8.4*, mencerminkan prestasi lemah saham teknologi global keseluruhannya. Walau bagaimanapun, nilai pasaran meningkat sebanyak 19.8% kepada RM157 juta (akhir Januari 2001: RM131 juta). Beberapa langkah terus diambil oleh MESDAQ bagi mempromosi bursanya sebagai salah satu sumber bagi syarikat teknologi untuk memperolehi dana. Antaranya termasuk membenarkan penyenaian inkubator teknologi di MESDAQ serta membenarkan syarikat berstatus MSC yang disenaraikan di MESDAQ untuk juga disenaraikan di NASDAQ. MESDAQ telah juga meminda peraturan bagi membolehkan pemohon mengguna lebih daripada 50% daripada dana yang diperolehi melalui IPO di luar negara bergantung kepada syarat-syarat tertentu (sebelum ini, 70% dana yang diperolehi mesti digunakan di dalam negeri). MESDAQ dan BSKL juga sedang giat berunding untuk membentuk satu platform dagangan yang bersepadu bagi kedua-dua bursa tersebut, selaras dengan cadangan CMP untuk menubuhkan satu bursa saham bersepadu pada tahun 2002.

Industri Unit Amanah

Industri unit amanah terus memberikan pelabur satu alat pengurusan pelaburan yang pelbagai bagi mengurangkan ketidakpastian harga pelaburan ekuiti. Sebagai mengiktiraf kepentingan industri ini, usaha pembangunan ditujukan ke arah meningkatkan kedudukan mudah tunai dalam pasaran tempatan, memastikan rangka kerja pengawalseliaan yang lebih mudah di samping membangunkan sekumpulan profesional yang berkemahiran tinggi untuk menggalakkan inovasi dan daya saing. CMP juga telah membuat pelbagai cadangan untuk membangunkan industri unit amanah termasuk meliberalisasikan had pegangan asing sebanyak 30% dari tahun 2003, bergantung kepada penilaian kesediaan pasaran oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC).


Pada tujuh bulan pertama tahun 2001, 14 dana baru telah dilancarkan (2000: 18 dana) menjadikan jumlah dana unit amanah kepada 133, merangkumi 102 dana swasta dan 31 dana yang

disokong Kerajaan, seperti di *Jadual 8.15*. Unit dalam edaran pula meningkat 6.5% kepada 68,005 juta pada akhir Julai 2001. Walaupun prestasi pasaran ekuiti lemah, nilai aset bersih (NAV) industri unit amanah meningkat 2.5% kepada RM44,402 juta. Sementara nisbah NAV industri unit amanah kepada nilai pasaran BSKL juga meningkat kepada 9.8% berikutan nilai pasaran BSKL yang rendah. Nisbah NAV ini adalah kecil jika dibandingkan dengan kadar penembusan 40% di negara maju, menunjukkan bahawa masih terdapat banyak ruang bagi mempromosi industri unit amanah.

Bursa Derivatif Malaysia

Bursa Derivatif Malaysia (MDEX) yang dahulunya dikenali sebagai Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE), telah dilancarkan pada bulan Jun 2001. MDEX merupakan sebuah bursa derivatif bersepadu yang terbentuk daripada gabungan KLOFFE dengan Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia (COMMEX), sejajar dengan cadangan CMP untuk menubuhkan satu bursa tunggal yang menawarkan pelbagai produk kepada pelabur.

CARTA 8.4
Pergerakan Indeks Komposit Mesdaq
Berbanding Indeks Komposit BSKL



JADUAL 8.15

Industri Unit Amanah: Petunjuk Terpilih

	2000 ¹			2001 (akhir Julai)		
	Dana yang disokong Kerajaan	Dana Swasta	Jumlah	Dana yang disokong Kerajaan	Dana Swasta	Jumlah
Jumlah syarikat pengurusan unit amanah	10	24	34	10	24	34
Jumlah dana unit amanah ²	30	89	119	31	102	133
Unit dalam edaran (juta)	40,201	23,645	63,846	41,323	26,682	68,005
Bilangan akaun (juta)	8,429	1.153	9.582	8.538	1.234	9.722
Nilai aset bersih (NAV) (RM juta)	30,544	12,755	43,299	29,867	14,535	44,402
NAV/Nilai pasaran BSKL (%)	6.87	2.87	9.74	6.61	3.22	9.83

¹ Akhir tempoh.

² Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti.

Pada sembilan bulan pertama tahun 2001, prestasi **Niaga Hadapan Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (Niaga Hadapan KLSE CI)** merosot 20.6% kepada 227,384 kontrak (Januari-September 2000: 286,294 kontrak), berikutan sentimen pasaran saham yang lemah. **Opsyen Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (Opsyen KLSE CI)** yang baru dilancarkan, juga menunjukkan prestasi lemah. Pelbagai langkah akan diambil dalam masa terdekat untuk menggalakkan lebih ramai pelabur menyertai pasaran termasuk program untuk meningkatkan kesedaran awam serta memperkenalkan skim penggerak pasaran.

Prestasi dagangan **kontrak niaga hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3-bulan** dan **kontrak hadapan minyak sawit mentah (CPO)** adalah lebih menggalakkan. Dagangan kontrak niaga hadapan KLIBOR 3-bulan meningkat 21.8% kepada 43,144 kontrak pada sembilan bulan pertama (Januari-September 2000: 35,433 kontrak). Aktiviti dagangan yang meningkat mencerminkan mudah tunai yang lega di pasaran tunai antara bank di samping peningkatan minat dalam pasaran bon tempatan dan pasaran *swap* kadar faedah. Sementara, dagangan kontrak hadapan CPO meningkat dengan mendadak sebanyak 53.1% kepada 347,392 kontrak (Januari-September 2000: 226,910 kontrak) berikutan pengurangan lebihan stok serta peningkatan eksport CPO. Justeru, purata harga kontrak hadapan CPO telah meningkat dengan ketara sebanyak 44.4% kepada RM1,028 setan metrik pada bulan September berbanding RM712 setan metrik pada bulan Januari 2001.

Langkah-langkah Utama Pasaran Modal

SC dan BSKL telah memperkenalkan beberapa langkah pengawalseliaan dan perundangan pada lapan bulan pertama bertujuan untuk meningkatkan usaha yang sedang dijalankan bagi menggalakkan kecekapan, ketelusan, daya tahan dan daya saing pasaran modal. Di samping itu, langkah-langkah tambahan juga diperkenalkan bagi memperbaiki urus tadbir korporat dan perlindungan pemegang saham minoriti. Antara langkah-langkah utama pasaran modal adalah seperti berikut:

Pelan Induk Pasaran Modal

SC telah melancarkan CMP pada 22 Februari, bertujuan untuk memastikan pasaran modal dapat menyokong keperluan dan aspirasi pertumbuhan ekonomi negara dalam menghadapi cabaran persaingan serantau dan peningkatan globalisasi, di samping mendapatkan peluang nilai ditambah dalam bidang kelebihan berbanding dan bersaing. Pelaksanaan CMP akan dijalankan dalam tiga fasa:

- i. Fasa 1 (2001-2003) – mengukuh kapasiti tempatan dan membangun sektor strategik dan yang baru berkembang;
- ii. Fasa 2 (2004-2005) – memperkukuh sektor utama dan meliberalisasi akses pasaran secara beransur; dan
- iii. Fasa 3 (2006-2010) – mengembang dan mengukuhkan lagi proses dan infrastruktur pasaran supaya menjadi pasaran modal yang maju serta meningkatkan kedudukan antarabangsa dalam bidang kelebihan berbanding dan bersaing.

Penggabungan Industri Broker Saham

Usaha terus dijalankan bagi menggabungkan industri broker saham. Penggabungan ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi pasaran modal tempatan dengan menjadikannya lebih cekap, kos efektif dan berdaya tahan untuk menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi. Pada akhir Ogos 2001, kemajuan penggabungan industri broker saham adalah seperti berikut:

- i. tujuh syarikat broker saham telah mengadakan perjanjian kukuh untuk mengambil alih atau bergabung dengan tiga lagi syarikat broker saham;
- ii. satu syarikat broker saham telah mencadangkan untuk bergabung dengan dua lagi syarikat broker saham lain;
- iii. tujuh syarikat broker saham telah mencadangkan untuk bergabung dengan setiap satu broker saham yang lain; dan

- iv. 21 syarikat broker saham lain masih belum membuat sebarang pengumuman atau mengemukakan cadangan kepada SC.

Pada akhir Ogos 2001, bilangan syarikat broker saham berjumlah 53. Berdasarkan penggabungan, bilangan syarikat broker saham dijangka berkurang kepada 36. Sehingga kini, SC telah memberikan status Broker Universal kepada empat syarikat broker saham.

Pasaran Bon Korporat

Pada bulan Februari, SC telah memperkenalkan nota amalan berkenaan penawaran PDS berasaskan mata wang asing, terutamanya untuk pelabur di luar Malaysia. Antara lain, ia menetapkan bahawa keperluan berkaitan perlindungan pelabur mengenai penarafan, penanggungan, denominasi minimum dan cara penerbitan tidak perlu diguna pakai untuk terbitan yang dibuat di luar negara. Ini adalah kerana pelabur di luar negara dianggap dilindungi oleh pengawalseliaan di negara mereka.

Pada bulan April, SC telah mengeluarkan Garis Panduan Penawaran Sekuriti Hutang yang Disokong Aset sebagai langkah berterusan dalam membangunkan pasaran bon korporat. Dengan menggunakan pendekatan berasaskan penzahiran, garis panduan ini dapat memberikan kriteria yang jelas serta telus dan merangkumi pelbagai aspek dan pihak yang terlibat dalam urus niaga sekuriti yang disokong aset seperti pemilik asal, perantara kegunaan khas, aset dan kriteria jualan sebenar.

Pasaran Ekuiti

Pada bulan Januari, BSKL telah mengeluarkan Keperluan Penyenggaraan yang baru untuk meningkatkan kecekapan dalam aktiviti pasaran modal, urus tadbir korporat dan ketelusan pasaran modal di samping mengukuhkan perlindungan pelabur bagi meningkatkan keyakinan pelabur. Beberapa nota amalan baru telah diperkenalkan untuk membantu syarikat awam tersenarai mematuhi Keperluan Penyenggaraan baru.

Dalam usaha memastikan pasaran ekuiti kekal berdaya saing, kos transaksi telah diliberalisasikan. Ini termasuk mengurangkan kadar levi SC serta yuran *Securities Clearing Automated Network Services* (SCANS) dan *System on Computerised Order Routing and Execution* (SCORE). Di samping itu, levi Yuran Sistem Penyelarasan yang dikenakan oleh BSKL ke atas syarikat broker saham juga dikurangkan, sementara yuran langganan yang dikenakan ke atas wakil niaga syarikat broker saham turut dihapuskan, berkuatkuasa 1 Julai.

SC juga sedang di peringkat terakhir meluluskan pindaan kepada peraturan membuka dan mengguna akaun penjelasan omnibus yang diselenggarakan oleh broker tempatan untuk perantara asing bagi tujuan mampuratakan harga. Dengan pindaan yang dibuat, perantara asing akan dapat membuka dan mengguna akaun tersebut dengan mengemukakan pengakuan serta maklumat yang minimum kepada broker tempatan. Sebelum ini, pengurus dana asing perlu memberikan maklumat yang menyeluruh serta mendapatkan kebenaran daripada BSKL.

Pada 27 Jun, BSKL dan MESDAQ telah memeterai memorandum persefahaman untuk memulakan usaha bagi MESDAQ menyertai kumpulan BSKL ke arah bursa saham yang bersepadu. Ini selaras dengan cadangan CMP untuk membentuk bursa saham yang tunggal menerusi penggabungan bursa yang sedia ada menjelang tahun 2002.

Pindaan lanjut telah dibuat ke atas Akta Suruhanjaya Sekuriti pada bulan Julai yang bertujuan mewujudkan satu rejim pengawalseliaan yang cekap bagi memperolehi dana di pasaran modal. Ini selaras dengan objektif CMP untuk membangunkan pasaran modal sebagai pusat pilihan utama untuk memperolehi dana bagi syarikat dalam negeri. Pada bulan September, SC telah memperkenalkan fleksibiliti tambahan untuk memudahkan penyenggaraan, pemerolehan dana dan penstrukturan syarikat di BSKL. Fleksibiliti ini akan memberi lebih pilihan kepada syarikat untuk menstruktur cadangan korporat serta membolehkan syarikat bertindak mengikut perubahan keadaan pasaran dengan lebih berkesan.

PELAN INDUK PASARAN MODAL : KEMAJUAN TERKINI

Pengenalan

Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) telah dilancarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada 22 Februari 2001 bertujuan untuk memastikan pasaran modal tempatan berada pada kedudukan yang strategik. Ini adalah bagi menyokong keperluan pertumbuhan ekonomi dan aspirasi negara di samping menghadapi cabaran persaingan serantau dan globalisasi yang kian meningkat serta merebut peluang nilai tambah dalam bidang yang memberi kelebihan berbanding dan kelebihan bersaing.

CMP merangkumi enam objektif utama yang dihubungkan dengan 24 inisiatif strategik dan 152 cadangan dalam bidang seperti institusi pasaran, pasaran ekuiti, bon dan derivatif, pasaran modal berasaskan Islam, industri broker saham, pengurusan pelaburan, urus tadbir korporat, rangka kerja pengawalseliaan, teknologi dan e-dagang serta latihan dan pendidikan. Enam objektif utama CMP adalah : menjadikan pasaran modal tempatan sebagai pusat pilihan utama untuk memperolehi dana bagi syarikat Malaysia; menggalakkan industri pengurusan pelaburan yang berkesan dan persekitaran yang lebih kondusif bagi pelabur; meningkatkan kedudukan daya saing dan kecekapan institusi pasaran; membangunkan persekitaran yang kukuh dan berdaya saing untuk perkhidmatan perantaraan; memastikan rejim pengawalseliaan yang lebih kukuh dan mudah; dan menjadikan Malaysia sebagai pusat pasaran modal Islam antarabangsa.

Kemajuan Terkini

Sehingga pertengahan September 2001, pelaksanaan bagi lebih daripada 20% cadangan dalam CMP telah siap. Pelaksanaan sembilan cadangan telah siap sepenuhnya sementara pelaksanaan bagi 27 cadangan lain pula mencapai kemajuan yang ketara. Usaha-usaha diteruskan bagi melaksanakan cadangan lain, terutamanya yang perlu disiapkan dalam Fasa 1 (2001-2003), termasuk cadangan untuk menggalakkan mudah tunai di pasaran tempatan, membangunkan kaedah serta proses memperolehi dana, mengukuhkan struktur institusi pasaran, meningkatkan daya saing pembekal perkhidmatan di samping menggalakkan urus tadbir korporat dan nilai positif pemegang saham. Inisiatif utama yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

■ Membangunkan Pasaran Bon Korporat

Pada 1 Julai 2000, SC menjadi pihak berkuasa yang melulus dan mendaftarkan prospektus bagi kesemua sekuriti kecuali sekuriti yang diterbitkan oleh kelab rekreasi tidak tersenarai, berikutan pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2000. Tujuan utama pindaan ini dibuat adalah untuk menyelaraskan struktur pengawalseliaan bagi aktiviti pemerolehan dana. Semenjak pindaan tersebut, beberapa garis panduan serta peraturan telah diperkenalkan untuk mewujudkan proses terbitan bon korporat yang cekap dan mudah. Ini termasuk memperkenalkan Garis Panduan Penawaran Sekuriti Hutang Swasta; Garis Panduan Kandungan Prospektus untuk Debentur; Peraturan Suruhanjaya Sekuriti 2000 (Skim Pendaftaran Simpanan bagi Debentur); Garis Panduan Kandungan Minima Ikatan Amanah; dan yang terkini adalah Garis Panduan Penawaran Sekuriti Hutang yang Disokong Aset.

■ Membangunkan Industri Pengurusan Pelaburan

Salah satu tumpuan utama yang dikenal pasti dalam CMP adalah mengenai pembangunan industri pengurusan pelaburan untuk memenuhi permintaan bagi kecekapan, kepelbagaian dan keberkesanan kos dalam pengurusan dana pelabur. Bagi tujuan ini, kerja-kerja asas sedang diusahakan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan cadangan yang berkaitan. Beberapa langkah sudah pun diumumkan sebelum pelancaran CMP, termasuk memperkenalkan lebih banyak fleksibiliti dalam Garis Panduan Penubuhan Syarikat Pengurusan Dana Asing bagi menggalakkan penyertaan asing. Pada bulan Ogos, SC juga telah mengeluarkan Kertas Rundangan mengenai Keperluan Tambahan Unit Amanah Islam untuk memudahkan pembangunan pelbagai skim unit amanah Islam serta meningkatkan keutuhan serta kredibiliti dana unit amanah Islam.

■ Menubuhkan Bursa Saham yang Tunggal

Pembentukan sebuah bursa saham tunggal di Malaysia merupakan salah satu inisiatif penting yang terkandung dalam CMP. Antara lain, ianya dapat membolehkan bursa-bursa tempatan menyelaraskan strategi pembangunan perniagaan masing-masing serta memudahkan usaha untuk meningkatkan daya saing dan kedudukan strategik, sejajar dengan kemajuan di pasaran lain. Penggabungan KLOFFE dan COMMEX pada bulan Jun 2001 untuk membentuk Bursa Derivatif Malaysia Berhad (MDEX) merupakan langkah penting ke arah pembentukan bursa saham tunggal. Di samping itu, BSKL dan MESDAQ telah memeterai memorandum persefahaman untuk memulakan usaha penggabungan kedua-dua bursa tersebut yang dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun. Usaha berterusan juga sedang diambil untuk mengenal pasti dan melaksanakan langkah-langkah yang perlu bagi peralihan yang lebih licin, terutamanya dari segi penyenaian daripada sistem bursa berasingan ke arah bursa bersepadu.

■ Penggabungan Industri Broker Saham

Antara kemajuan proses penggabungan industri broker saham termasuk kelulusan untuk empat Broker Universal serta menghapuskan sekatan ke atas skop aktiviti dan penubuhan cawangan. Sehingga kini, berdasarkan kepada pengumuman yang dibuat oleh syarikat broker saham dan cadangan yang diterima oleh SC, bilangan syarikat broker saham akan dikurangkan daripada 53 kepada 36 syarikat.

Dasar penggabungan industri broker saham adalah selari dengan liberalisasi kadar komisen broker saham yang diperkenalkan oleh SC bagi meningkatkan daya saing industri. Fasa 1 kepada inisiatif liberalisasi kadar komisen berkuatkuasa pada 1 September 2000. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan sentimen pasaran yang kurang menggalakkan pada masa ini dengan urus niaga yang rendah, SC telah menunda pelaksanaan Fasa 2 selama setahun untuk mengurangkan kos penyesuaian. Berkuatkuasa 1 Julai 2002, kadar komisen untuk semua urus niaga boleh dirundingkan sepenuhnya, tertakluk kepada had 0.70%.

■ Meningkatkan Kecekapan Proses Pemerolehan Dana

Pelaksanaan peralihan dua fasa yang pertama kepada rangka kerja pengawalseliaan berasaskan penzahiran (DBR) sepenuhnya telahpun selesai. Usaha akhir ke arah rejim DBR yang sepenuhnya akan bergantung kepada hasil kajian kesediaan pasaran. Hasil kajian akan dibentangkan kepada

industri yang terlibat untuk dibincang dan dipertimbangkan sebelum struktur DBR yang sepenuhnya dilaksanakan. Pelaksanaan rangka kerja DBR sepenuhnya memerlukan SC menilai terbitan, tawaran dan penyenaraian sekuriti, khususnya dari perspektif penzahiran maklumat dan bukannya daripada merit pelaburan.

Pada bulan Mei, selaras dengan peralihan kepada DBR sepenuhnya, SC telah memperkenalkan beberapa fleksibiliti untuk memudahkan terbitan, tawaran dan penyenaraian sekuriti syarikat-syarikat Malaysia. Pada bulan September, SC telah memperkenalkan fleksibiliti lanjut sebagai melengkapi usaha DBR menyedari bahawa syarikat-syarikat menghadapi kesukaran memohon penyenaraian menerusi tawaran awam permulaan (IPO), memperolehi dana dan penyusunan semula syarikat pada separuh pertama tahun ini disebabkan kelembapan pasaran modal. Fleksibiliti ini memberi lebih pilihan kepada syarikat untuk menstruktur cadangan korporat mengikut perubahan keadaan pasaran. Justeru, kecekapan proses pemerolehan dana dijangka meningkat selaras dengan objektif menjadikan pasaran modal negara sebagai pusat pilihan utama syarikat tempatan untuk memperolehi dana.

■ Membangunkan Industri Modal Teroka

Inisiatif yang strategik dalam CMP adalah untuk memudahkan pembangunan industri modal teroka. Ini bertujuan memenuhi keperluan kemunculan syarikat pertumbuhan tinggi di industri nilai tambah melalui peruntukan modal berisiko. Justeru, beberapa keperluan penyenaraian MESDAQ telah diliberalisasikan, termasuk melonggarkan keperluan syarat 70 peratus yang mewajibkan hasil daripada penyenaraian digunakan di Malaysia. Ini bertujuan memudahkan syarikat modal teroka mendapat akses kepada pasaran modal. Selaras dengan galakan cukai yang diumumkan dalam Belanjawan 2000 untuk menggalakkan pertumbuhan industri modal teroka, SC telah menerbitkan Garis Panduan Galakan Cukai Bagi Industri Modal Teroka pada bulan Ogos untuk memudahkan pentadbiran galakan cukai.

SC juga telah meluluskan penyenaraian inkubator teknologi di MESDAQ. Inkubator teknologi menyediakan dana untuk syarikat di peringkat permulaan, iaitu syarikat yang belum disenaraikan serta tidak mempunyai kelayakan operasi yang minima. Penyenaraian inkubator teknologi di MESDAQ bukan sahaja memudahkan pengembangan jumlah dana modal teroka kepada syarikat di peringkat permulaan. Malah, penyenaraian ini juga memberi peluang untuk pelabur runcit menyertai syarikat di peringkat permulaan dengan risiko yang rendah, memandangkan pelaburan ini akan dinilai dan diuruskan secara profesional oleh inkubator teknologi berkenaan.

Kesimpulan

Integrasi pasaran kewangan sedunia yang meningkat memerlukan pasaran modal dalam negeri untuk terus meningkatkan kecekapan, daya tahan dan daya saing dalam menghadapi cabaran global. Dalam konteks dinamisme pasaran kewangan di samping keperluan untuk mengurangkan pergantungan yang berlebihan kepada sektor perbankan, adalah penting untuk memastikan syarikat tempatan terus mendapat akses daripada pasaran modal yang cekap dan berkesan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Sehubungan ini, penggubalan CMP adalah sesuai dan kena pada masanya dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh pasaran modal di samping menggariskan kedudukan strategik dan hala tuju untuk 10 tahun akan datang. Sementara itu, pelaksanaan cadangan CMP akan dilaksanakan secara berperingkat dalam menuju ke arah liberalisasi secara beransuran dan akan dinilai berdasarkan keupayaan dan kesediaan pasaran.

Pasaran Derivatif

Bursa Derivatif Malaysia (MDEX) telah dilancarkan pada 11 Jun. MDEX adalah sebuah bursa derivatif bersepadu yang terbentuk daripada gabungan KLOFFE dengan COMMEX. Bursa bersepadu ini dapat mencapai ekonomi berskala, menawarkan pelbagai produk kepada pelabur serta meningkatkan keberkesanan kos.

Pengawalseliaan Berasaskan Penzahiran

SC telah memulakan peralihan daripada pengawalseliaan berasaskan merit (MBR) kepada pengawalseliaan berasaskan penzahiran (DBR) semenjak tahun 1996 di bawah proses tiga fasa. DBR merupakan pendekatan berasaskan pasaran kepada pengawalseliaan yang bertumpu kepada penzahiran kualiti maklumat yang dibuat oleh syarikat semasa menerbitkan, menawarkan atau menyenarai sekuriti supaya membolehkan pelabur membuat keputusan yang berasaskan maklumat. Di bawah DBR, pengawalselia sekuriti tidak menilai merit dan kesesuaian sesuatu tawaran berbanding keperluan di bawah MBR. Pada bulan April, SC telah memulakan kajian untuk menilai kesediaan pasaran untuk pelaksanaan DBR sepenuhnya. Kajian ini yang kini di peringkat akhir penyempurnaan akan memberi input penting kepada SC bagi menentukan kesediaan pasaran untuk pelaksanaan DBR sepenuhnya.

Pada 1 Ogos, beberapa pindaan telah dibuat ke atas Peraturan Industri Sekuriti 1998 (Laporan Pemegang Saham Syer yang Substansial). Pindaan

ini mentakrifkan pemegang substansial sebagai individu yang mempunyai kepentingan tidak kurang daripada 5% daripada jumlah nominal syer mengundi syarikat (dahulu kurang daripada 2%). Di samping itu, keperluan penzahiran mengenai pemegang syer substansial oleh pemegang amanah wadiah telah dimansuhkan. Pindaan ini adalah juga sejajar dengan pindaan terkini kepada Akta Syarikat 1965 berhubung dengan penzahiran pemegang saham substansial.

Urus Tadbir Korporat dan Perlindungan Pemegang Saham Minoriti

Keperluan Penyusunan baru BSKL yang dilancarkan pada 22 Januari turut menyentuh isu-isu urus tadbir korporat. Antara isu-isu yang ditekankan termasuk keperluan melapor tahap pematuhan Kod Urus Tadbir Korporat, penzahiran pihak pengarah mengenai kawalan dalaman, kebebasan lembaga pengarah serta peranan jawatankuasa audit. Pengarah syarikat awam tersenarai juga perlu diiktiraf oleh Institut Penyelidikan Penganalisis Pelaburan (RIIAM) di bawah Program Pentauliahan Wajib. Sementara satu Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti yang dianggotai KWSP, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Tabung Haji, PERKESO dan Permodalan Nasional Berhad telah ditubuhkan bagi menggalakkan penyertaan proaktif pemegang saham dalam syarikat awam tersenarai. Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti tersebut dijangka beroperasi sepenuhnya dalam masa yang terdekat.